

Isu Politik Tidak Harus Diheret Ke Mahkamah -- Kata Pakar Undang-Undang Bernama
January 11, 2012
Oleh Tengku Noor Shamsiah Tengku Abdullah

SINGAPURA, 11 Jan (Bernama) -- Isu serta masalah politik lebih baik tidak diselesaikan oleh mahkamah kerana ia boleh menggugat dan melemahkan kedudukan badan kehakiman, kata seorang pakar perundangan.

Prof Eugene Tan, Penolong Pensyarah Undang-undang di Singapore Management University, berkata bahawa sejak beberapa tahun lepas, terdapat usaha oleh mereka yang terlibat dalam politik, baik di pihak pemerintah mahupun pembangkang, untuk mengheret badan kehakiman dalam pertikaian politik mereka.

"Cubaan memperundangkan politik dan tanggapan kononnya badan kehakiman dipolitikkan, menyebabkan kedudukan badan kehakiman menjadi lemah," katanya kepada Bernama.

Prof Tan berkata terdapat salah tanggapan kononnya badan kehakiman di Malaysia tidak bebas dan kononnya ahli politik daripada parti pemerintah di Malaysia sering mendapat keputusan mahkamah yang memihak kepada mereka.

"Realitinya ialah -- dan soal ini jarang dihargai -- ialah masalah politik lebih baik tidak dikendalikan oleh mahkamah," katanya.

Prof Tan berkata bahawa sering kali pengkritik melihat kepada keputusan kes-kes berunsurkan politik bagi menyatakan pendirian mereka mengenai sistem kehakiman di Malaysia.

"Satu kes saja tidak boleh dijadikan ukuran mengenai kedudukan keseluruhannya," kata beliau.

Dalam kes Datuk Seri Anwar Ibrahim, beliau berkata bahawa jika Anwar didapati bersalah, kritikan yang pasti timbul ialah mahkamah akan dilihat memenuhi apa yang mungkin dimahukan oleh ahli-ahli politik berpengaruh yang hendak menghalang kebangkitan semula Anwar dalam arena politik.

Sebaliknya, jika Anwar dibebaskan, seperti yang telah berlaku pada 9 Jan lepas, kemungkinan besar badan kehakiman dianggap bebas dan hakim boleh membuat keputusan yang sewajarnya, kata Prof Tan.

Dalam kedua-dua keadaan ini, katanya, badan kehakiman sentiasa menjadi bahan kritikan.

Prof Tan berkata walaupun berlaku perkembangan yang dramatik dan dakwaan daripada pihak Anwar semasa perbicaraan itu, ketua pembangkang itu telah mendapat perbicaraan yang adil.

Beliau berkata dengan kerajaan mengulangi pendiriannya bahawa ia tidak campur tangan dalam badan kehakiman dan bahawa badan kehakiman di Malaysia tidak boleh dibeli, keputusan kes itu memberi peluang keemasan kepada Malaysia, menjelang pilihan raya

umum akan datang, untuk memberi tumpuan kepada politik berasaskan isu dan bukannya individu.

---BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=639312>